

KESAN LATIHAN EMPAT GARISAN BERKEMBAR DALAM MENGURANGKAN KESALAHAN MENCAMPURADUKKAN HURUF DALAM PENULISAN AYAT MURID TAHUN LIMA

Oleh

Melaya Audileaudrine Anak Louis
audileaudrine89@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk mengkaji kesan penggunaan latihan empat garisan berkembar dalam mengurangkan kesalahan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil seorang murid Tahun Lima. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menambah baik amalan sendiri dalam mengajar kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil. Penggunaan latihan empat garisan berkembar dilaksanakan melalui kaedah ansur maju dan bimbingan secara individu berasaskan Tiga Prinsip Pembelajaran Thorndike (1911). Data dikumpul melalui temu bual, pemerhatian dan latihan bertulis. Analisis data yang digunakan ialah analisis kandungan dan analisis pola. Analisis data kemudian disemak melalui triangulasi sumber. Analisis data selepas tindakan telah menunjukkan hasil yang positif terhadap tulisan peserta kajian. Penggunaan latihan empat garisan berkembar telah membantu mengurangkan kesalahan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil peserta kajian di samping menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam kemahiran menulis.

Kata kunci: Latihan empat garisan berkembar, kemahiran menulis, mencampur aduk huruf besar dan huruf kecil, kaedah ansur maju, bimbingan individu

ABSTRACT

This action research was carried out to examine the effect of using four lined exercises in reducing the errors of mixing uppercase and lowercase letters of a Year Five pupil. Besides, the purpose of this action research was to improve my own teaching practices in writing both uppercase and lowercase letters. The use of four lined exercises were implemented through developmental method and individual guidance based on Thorndike's Principles of Learning (1911). The data were collected through interviews, observations, and written exercises. Content analysis and pattern analysis were used to analyze the data. The data were then checked using triangulation of sources. Analysis of data after the actions showed positive results. The use of four lined exercises reduced the errors in mixing uppercase and lowercase letters in the participant's handwriting. In addition to that, my teaching practices in writing skills also improved.

Keywords: Four lined exercise, writing skills, mixing uppercase and lowercase letters, developmental methods, individual guidance

PENGENALAN

Konteks


Saya merupakan pelajar Institut Pendidikan Guru, Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak. Saya telah mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian dalam pengkhususan Bahasa Melayu. Dalam tempoh program ini, saya telah menjalani tiga fasa praktikum, yakni saya telah menjalani Praktikum Fasa I di Sekolah Kebangsaan Gusi (pseudonim) dan Praktikum Fasa II di Sekolah Kebangsaan Seindru (pseudonim). Pada Fasa III, saya telah menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan Dissnie (pseudonim) yang berjarak 14 kilometer dari institut.

Pengalaman berpraktikum di ketiga-tiga buah sekolah ini telah membolehkan saya mengenal pasti beberapa orang murid yang mempunyai masalah yang sama iaitu masalah tulisan. Masalah tulisan ini merangkumi tulisan yang tidak berjarak, mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dan tulisan cakar ayam. Masalah seperti ini biasa didapati dalam kalangan murid sekolah yang lemah pencapaian, malah juga terdapat juga pada murid yang cerdas .

Isu Keprihatinan

Kajian ini bermula sewaktu saya mula menjalankan Praktikum Fasa II di Sekolah Kebangsaan Seindru apabila salah seorang murid saya menunjukkan hasil tulisan yang sukar untuk dibaca, tidak ada jarak antara tulisan serta mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat. Namun demikian, saya tidak berkesempatan untuk membantu murid ini membaiki tulisannya. Kekangan masa yang dihadapi hanya memberi peluang untuk saya mendapatkan data awal mengenai masalah murid tersebut.

Pada Praktikum Fasa III di Sekolah Kebangsaan Dissnie, saya juga telah mengesan masalah yang sama seperti masalah yang dihadapi oleh murid di SK Seindru. Murid ini yang dinamakan sebagai Minnie (bukan nama sebenar) dari kelas 5 Sony juga menulis dengan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil. Minnie hanya mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dalam ayat tetapi tidak menyambung setiap perkataan yang ditulis. Rajah 1 menunjukkan permasalahan dalam kemahiran menulis ini telah dikenal pasti pada 27 Februari 2012 melalui latihan membina ayat yang diberikan kepada murid kelas 5 Sony.



Rajah 1. Hasil latihan membina ayat Minnie (27 Februari 2012).


Berdasarkan kesilapan yang didapati pada Rajah 1, saya telah memberikan latihan menyalin perenggan pada 28 Februari 2012 bagi mengesahkan permasalahan yang dihadapi oleh Minnie. Rajah 2 menunjukkan hasil tulisan Minnie pada latihan menyalin perenggan pada 28 Februari 2012.

jas dan berkesan jika dibandingkan dengan penyampaian secara lisan. Kepentingan ini selaras dengan definisi kemahiran menulis yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Sekolah Rendah Bahasa Melayu (2003) yang menyatakan:

...keupayaan murid menulis perkataan dan ayat serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas, cantik dan kemas. (ms. 9)

Menurut Fuller (1969), (dalam Muhammad Azizi Rahim, 2010), "keprihatinan" merupakan tanggapan guru atau sesuatu yang dianggap sebagai masalah atau sesuatu yang selalu difikirkan oleh guru dan ingin membuat sesuatu terhadapnya. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu, saya bertanggungjawab untuk membantu murid membaiki masalah tulisannya. Tulisan dengan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil merupakan satu kesalahan tanda baca dan akan menyebabkan markah dalam kertas peperiksaan dipotong atas kesalahan ini. Ekoran daripada permasalahan ini, saya telah mengandaikan peserta kajian saya mengalami masalah memahami konsep perbezaan huruf besar dan huruf kecil.

Sehubungan itu, saya ingin membaiki masalah tulisan Minnie terutama dari aspek mengenali konsep perbezaan huruf besar dan huruf kecil bagi kesemua 26 huruf dan memastikan Minnie boleh menulis huruf-huruf dengan ketinggian dan saiz yang betul dalam satu-satu penulisan dalam usaha mengurangkan kecenderungannya menulis dengan mencampur aduk huruf besar dan huruf kecil. Sebagai contoh, Minnie cenderung menulis huruf 's' kecil (s) seakan-akan 's' besar (S) dan huruf 'k' kecil seakan-akan 'k' besar (K). Begitu juga dengan huruf yang mempunyai bentuk huruf besar dan huruf kecil yang sama seperti huruf 'c', 'm', 'o', 'v', 'w', 'p' dan 'y'. Dalam usaha membantu Minnie, saya telah memilih untuk menggunakan empat garisan berkembar pada latihan menulis. Rajah 3 menunjukkan empat garisan berkembar tersebut.



Rajah 3. Empat Garisan Berkembar.

Berdasarkan Rajah 3, saya telah mengkategorikan setiap garisan kepada empat jenis iaitu garisan atas, garisan tengah, garisan lantai dan garisan bawah. Setiap garisan membawa kepada fungsi-fungsi tertentu seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1.

Jenis dan Fungsi Setiap Garisan Pada Empat Garisan Berkembar

Bil.	Jenis Garisan	Fungsi
1.	Garisan atas	- mengawal ketinggian huruf tinggi. Contoh: 't','h','k','d'
2.	Garisan tengah	- menyelaraskan saiz huruf supaya tidak terlalu kecil dan rendah. Contoh: 's', 'a', 'i',
3.	Garisan lantai	- tapak kaki bagi semua huruf.
4.	Garisan bawah	- mengawal tulisan sesuatu huruf yang mempunyai ekor seperti huruf 'g' dan 'y'

Saya juga telah membahagikan pelaksanaan tindakan ini kepada tiga peringkat iaitu peringkat menulis huruf, peringkat menulis ayat dan menulis perenggan. Pelaksanaan penyelidikan ini secara berperingkat selaras dengan kaedah ansur maju kerana konsep asasnya ialah bermula daripada mudah ke sukar. Kaedah ansur maju ini juga telah digunakan oleh tiga orang penyelidik seperti Tiong Houg Ching(2005), Dayang Norliza(2010) dan Anisah Anuar (2010) dalam penyelidikan tindakan yang telah mereka laksanakan mengatasi masalah tulisan murid mereka. Melalui penyelidikan yang dilaksanakan juga, mereka telah berjaya membantu murid mereka untuk mengatasi masalah tulisan yang dihadapi. Selain itu, ketiga-tiga penyelidik ini turut menggunakan garisan berkembar dalam penyelidikan mereka.

Dalam melaksanakan tindakan membantu Minnie, saya menggunakan konsep ansur maju iaitu bermula daripada mudah ke sukar dan juga bimbingan secara individu secara tidak langsung. Kedua-dua konsep ini adalah berasaskan konsep pembelajaran Teori Pelaziman Operan Thorndike (1911). Menurut Thorndike, pembelajaran akan berlaku hasil daripada gabungan rangsangan dan gerak balas. Dengan itu, Thorndike juga telah menyarankan bahawa pembelajaran manusia dikawal oleh hukum tertentu yang disebut hukum pembelajaran seperti Hukum Kesiediaan, Hukum Latihan dan Hukum Kesan.(Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2008).

Peringkat menulis huruf selaras dengan hukum pembelajaran Edward Lee Thorndike(1911) yang pertama iaitu hukum kesiediaan. Menurut Thorndike, individu perlu ada kesiediaan untuk memungkinkan tindakan atau gerak balas berlaku yakni kesiediaan belajar ini merangkumi kesiediaan kognitif, afektif dan juga kesiediaan psikomotor.(Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad,2009). Latihan menulis huruf besar dan huruf kecil mempunyai unsur pengulangan yang selaras dengan Hukum Latihan dalam Prinsip Pembelajaran Thorndike (1911). Menurut Thorndike, hukum latihan ini sangat sesuai digunakan bagi mengukuhkan perkaitan antara rangsangan dan gerak balas yakni seseorang itu akan menguasai kemahiran sekiranya latihan diadakan secara berulang. Saya juga memberikan bimbingan kepada Minnie sepanjang menghasilkan latihan menulis ayat ini dan memberikan penegasan melalui kata pujian yang diberikan. Ini juga selaras dengan hukum kesan yang terdapat pada hukum pembelajaran Thorndike yakni sesuatu tindakan akan dikukuhkan dan diulang apabila hasil daripada tindakan tersebut menghasilkan keseronokan atau ganjaran seperti kata-kata pujian atau hadiah(Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan dan Abdul Aziz Abdul Shukor, 2008).

Pelaksanaan Tindakan

Penyelidikan tindakan telah dilaksanakan pada waktu pengajaran dan pembelajaran(p&p) yakni saya akan membawa peserta kajian saya ke luar kelas bagi tujuan bimbingan. Penyelidikan tindakan ini telah dilaksanakan di bilik guru iaitu bermula 2 Mac 2012 sehingga 13 April 2012 dan melibatkan beberapa siri tindakan.

Peringkat 1 : Menulis Huruf.


Peserta kajian menulis huruf besar dan huruf kecil bagi 26 huruf untuk membiasakannya dengan penggunaan empat garisan berkembar (Sila rujuk Rajah 4).Penulisan huruf ini menekankan kefahaman terhadap konsep perbezaan kesemua huruf besar dan huruf kecil melalui penulisan huruf secara berulang pada latihan menulis huruf.



Rajah 4. Contoh latihan menulis huruf.

Peringkat 2 : Menulis Ayat.


Peserta kajian menulis ayat pada empat garisan berkembar (Sila rujuk Rajah 5).Latihan ini telah dilaksanakan sebanyak tiga kali bagi melihat perkembangan tulisan peserta kajian saya.



Rajah 5. Contoh latihan menulis ayat.

Peringkat 3 : Menulis Perenggan.

Peserta kajian menulis perenggan pada empat garisan berkembar (sila rujuk Rajah 6).Latihan ini telah dilaksanakan sekali sahaja.



Rajah 6. Contoh latihan menulis perenggan.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan saya sendiri dan seorang murid Tahun 5 Sony sebagai peserta kajian.Selaras dengan definisi penyelidikan tindakan, saya juga merupakan peserta penyelidikan tindakan ini seperti yang dinyatakan oleh Carr dan Kemmis

(1986) (dalam Anisah Anuar, 2010), penyelidikan tindakan berfungsi untuk menambah baik kerasionalan dan keadilan ke atas amalan sendiri penyelidik. Peserta kajian saya merupakan seorang murid perempuan berbangsa Melayu, berumur 11 tahun dan diberikan nama samaran sebagai Minnie. Minnie mempunyai pencapaian akademik yang sederhana.

Etika Penyelidikan

Sebelum melaksanakan penyelidikan tindakan, saya telah mendapatkan persetujuan daripada pihak yang bakal terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan maklumat dan bahan berkaitan dengan hasil kerja Minnie. Sehubungan dengan itu, saya telah menghasilkan surat kebenaran kepada peserta kajian dan surat kebenaran kepada ibu bapa peserta kajian (Sila rujuk Rajah 7).

SKPT/IBP	SPP/PTMM-01
<u>Surat Kebenaran Menjadi Peserta Penyelidikan Tindakan</u>	<u>Surat Persetujuan Penyerahan Menjadi Peserta Penyelidikan Tindakan</u>
Saya _____ *(ibu/bapa/penjaga), No KIP _____ bersetuju / tidak bersetuju (*) untuk memberi kebenaran kepada _____ untuk menjadi peserta penyelidikan tindakan Cikgu Melaya Audileaudrine Anak Louis.	Saya _____ dan kelas _____ bersetuju / tidak bersetuju (*) untuk menjadi peserta penyelidikan tindakan Cikgu Melaya Audileaudrine Anak Louis bagi memperbaiki masalah tulisan saya.

Rajah 7. Contoh Surat Kebenaran Ibu Bapa dan Peserta Kajian.

Dalam melaksanakan penyelidikan tindakan ini, saya telah menghasilkan surat meminta kebenaran kepada Guru Kelas 5 Sony dan Guru Bahasa Melayu kelas 5 Sony untuk membawa Minnie ke luar kelas bagi menjalankan sesi bimbingan secara individu (Sila rujuk Rajah 8) Melalui surat kebenaran ini juga, saya telah menyatakan waktu, hari dan masa saya akan melaksanakan bimbingan individu kepada Minnie. Sebelum itu, saya juga telah menjelaskan terlebih dahulu secara lisan kepada guru kelas dan juga guru bahasa Melayu tujuan penyelidikan ini.

SKPT/GR-01		
<u>Surat Kebenaran Keluar Kelas Bagi Tujuan Penyelidikan Tindakan</u>		
Saya _____ Guru _____ 5 Orkid, bersetuju / tidak bersetuju (*) untuk memberi kebenaran kepada Maznum Binti Sapiee untuk keluar kelas pada waktu Bahasa Melayu bagi menjalani sesi bimbingan secara individu bersama Guru Pelatih Melaya Audileaudrine Anak Louis seperti waktu berikut;		
Hari	Waktu	Masa
Selasa	1035 – 1135	7 & 8
Jumaat	0910 – 1010	5 & 6

Rajah 8. Contoh Surat Kebenaran Membawa Peserta Kajian ke Luar Kelas.

Teknik Mengumpul Data

Dalam mengumpul data, saya telah menggunakan beberapa kaedah mengumpul data seperti pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual.

Pemerhatian

Sepanjang penyelidikan tindakan dilaksanakan, pemerhatian telah dijalankan dengan membuat catatan nota lapangan. Dalam membuat catatan, saya mengambil kira faktor persekitaran, aktiviti yang berlaku, tingkah laku murid dan perkara-perkara lain yang mungkin berlaku semasa pemerhatian dijalankan. Saya mencatatkan keseluruhan pemerhatian yang saya jalankan terhadap peserta kajian

saya tanpa melakukan interpretasi nilai dan perasaan sendiri. Data pemerhatian dicatatkan ke dalam buku nota dan kemudiannya ditaipkan semula nota lapangan ini ke dalam *Microsoft Word* bagi memudahkan proses analisis dilakukan. Selain itu, saya turut mengambil rakaman visual untuk merakamkan data pemerhatian saya. Data pemerhatian ini berbentuk gambar. Gambar-gambar ini, dapat membantu saya mengenal pasti tindakan yang dilaksanakan dan sebagai sokongan kepada pemerhatian yang dicatatkan pada nota lapangan.

Analisis dokumen

Saya juga mendapatkan data-data berkaitan persoalan kajian saya melalui analisis dokumen. Analisis dokumen dalam bentuk latihan memberi gambaran kepada saya untuk melihat perkembangan yang berlaku pada kemahiran menulis peserta kajian saya melalui latihan-latihan yang saya berikan.

Temu bual

Dalam temu bual, saya telah memilih untuk menggunakan temu bual separa berstruktur. Dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, saya juga boleh mengemukakan soalan tambahan bagi membolehkan saya mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan terperinci berkaitan dengan aspek data yang saya ingin dapatkan. Berikut adalah contoh soalan temu bual yang telah saya kemukakan pada 20 Mac 2012 dan pada 10 April 2012.

- Adakah kamu masih keliru tentang penggunaan garisan empat berkembar ini?
- Apakah perasaan kamu semasa menulis latihan menggunakan empat garisan berkembar ini?

Teknik Menganalisis Data

Saya telah menggunakan dua jenis analisis bagi menganalisis data yang telah saya kumpulkan iaitu melalui analisis kandungan dan analisis pola. Melalui analisis, maklumat boleh diinterpretasikan dengan mudah.

Saya menganalisis kandungan dan merumuskan keseluruhan isi nota lapangan melalui refleksi kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan (Sila rujuk Rajah 9). Melalui analisis kelemahan, saya mencari cara penyelesaian kepada kelemahan melalui cadangan penambahbaikan.

<p>Tarikh : 2 Mac 2012 Masa : 1035-1135 Tempat : Bilik Guru Pemerhatian : Minnie menulis huruf besar dan huruf kecil melalui latihan empat garisan berkembar. Selepas saya menerangkan tentang garisan dalam latihan, Minnie mengangguk-angguk menandakan dia faham akan penerangan saya. Minnie melihat ke kiri dan ke kanan sebelum menulis huruf satu-persatu. Minnie mengalami masalah menulis huruf 'C' besar dan 'c' kecil. Saya meminta Minnie memadamkan semula kesalahan tersebut dan memintanya menuliskan semula dengan betul. Minnie kelihatan seperti keliru akan garisan lantai dan garisan tengah yang telah saya perelaskan pada garisan.</p>	<p>Kekuatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Minnie faham setelah cara menulis pada empat garisan berkembar diterangkan. - Minnie boleh menulis huruf besar dan huruf kecil dengan betul. <p>Kelemahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Minnie keliru dengan penggunaan empat garisan berkembar pada mulanya <p>Cadangan Penambahbaikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Saya akan menerangkan garisan lantai dan garisan tengah kepada Minnie dan menandakan garisan tengah dan garisan lantai 	<p>Analisis kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan.</p>
---	---	--

Rajah 9. Contoh analisis kandungan nota lapangan pada 2 Mac 2012.

Bagi data temu bual yang telah saya transkripsikan, catatan refleksi berdasarkan isi yang dibincangkan dalam temu bual dibuat (Sila rujuk Rajah 10).

<p>Saya : Minnie, mengapa awak padam huruf ini tadi? (sambil menunjukkan pada huruf 'm' kecil yang ditulisnya)</p> <p>Minnie : Salah, cikgu..</p> <p>Saya : Macam mana awak tahu 'm' yang awak tulis tadi salah?</p> <p>Minnie : Tinggi gilak, cikgu. (terjemahan: Tinggi esansat cilik)</p>	<p>Catatan Refleksi: Minnie sedar pada kesalahan yang dilakukan dan memadamkannya semula. Minnie menunjukkan kefahaman sedikit melalui empat garisan berkembar.</p>	<p>Catatan refleksi berdasarkan isu ditemu bual.</p>
--	--	--

Rajah 10. Contoh analisis kandungan temu bual 9 Mac 2012.

Bagi lembaran kerja pula, setiap kesalahan yang dilakukan dibulatkan dengan tanda berwarna merah.

Rajah 11. Contoh analisis kandungan latihan menulis ayat pada 23 Mac 2012.

Berdasarkan bilangan kesalahan yang terdapat pada latihan, kesalahan tersebut dikira dan dicatatkan dalam bentuk jadual (Sila rujuk Jadual 2) untuk melihat pola perubahan bilangan kesalahan yang dilakukan pada latihan.

Jadual 2

Jadual Bilangan Kesalahan Minnie pada Latihan Menulis Ayat.


Latihan Menulis ayat	Tarikh	Bilangan kesalahan
LMA1	23 Mac 2012	35
LMA2	27 Mac 2012	20
LMA3	3 April 2012	2

Berdasarkan Jadual 2, bilangan kesalahan mencampuradukkan huruf telah menunjukkan hasil yang positif yakni berlaku pengurangan daripada latihan menulis ayat pada 23 Mac 2012 sehingga latihan menulis ayat pada 3 April 2012.

Teknik Menyemak Data


Dalam penyemakan data, saya telah menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber.

Triangulasi kaedah merupakan gabungan beberapa kaedah. Memandangkan peserta kajian saya hanya seorang sahaja, saya mendapatkan data berhubung dengannya sahaja. Saya telah menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian untuk menyemak data. Rajah 12 menunjukkan contoh triangulasi antara kaedah.



Rajah 12. Contoh triangulasi antara kaedah.

Saya telah meminta rakan kolaborasi saya menyemak hasil kerja Minnie. Data yang diperolehi kemudian dibandingkan dengan semakan saya untuk melihat ketekalan data yang dianalisis. Rajah 13 menunjukkan satu contoh triangulasi sumber antara saya dan Helena.




Rajah 13. Contoh triangulasi sumber pada 13 April 2012.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- Apakah kesan penggunaan latihan empat garisan berkembar dalam mengurangkan kesalahan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan ayat Bahasa Melayu murid Tahun Lima?

Data yang dikumpul melalui setiap latihan bermula dari peringkat menulis huruf besar dan huruf kecil, peringkat menulis ayat dan akhir sekali peringkat menulis perenggan yang telah saya tadbirkan pada Minnie bermula pada 2 Mac 2012 sehingga 10 April 2012 telah menunjukkan perkembangan yang positif terhadap tulisan Minnie. Rajah 14 menunjukkan hasil tulisan Minnie pada latihan menulis perenggan menggunakan kertas dua garis biasa pada 13 April 2012.



Rajah 14. Latihan menulis perenggan menggunakan kertas dua garis biasa pada 13 April 2012.

Latihan menulis perenggan menggunakan kertas dua garis biasa bertarikh 13 April 2012 pada Rajah 14 telah menunjukkan hasil yang baik. Minnie hanya melakukan empat kesalahan sahaja berbanding sebelum tindakan dilaksanakan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.

Selain daripada berjaya membantu mengurangkan kesalahan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil, penggunaan latihan empat garisan berkembar juga telah memberi kesan secara tidak langsung kepada penulisan huruf berekor Minnie seperti huruf 'g' kecil (g) dan 'y' kecil (y) Pada mulanya, huruf ini telah ditulis pada kedudukan yang salah pada garisan. Rajah 15 menunjukkan huruf 'g' kecil (g) dan 'y' kecil (y) yang ditulis oleh Minnie pada sebelum dan selepas tindakan.



Rajah 15. Perubahan huruf 'y' kecil (y) dan 'g' kecil (g) Minnie sebelum dan selepas tindakan.

Merujuk Rajah 15, sebelum tindakan dilaksanakan, Minnie telah menulis huruf yang berekor seperti 'y' kecil (y) dan 'g' kecil (g) di atas garisan yang salah. Setelah tindakan, Minnie telah berupaya menulis kedua-dua huruf ini dengan betul.

Melalui latihan menulis huruf, ayat dan perenggan menggunakan empat garisan berkembar, peserta kajian saya juga telah memahami konsep perbezaan huruf besar dan huruf kecil dengan baik. Ini dijelaskan oleh Minnie berdasarkan transkrip temu bual saya bersama Minnie pada 10 April 2012 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 16.

Saya : Minnie, mengapa awak tulis huruf ini begini? (sambil menunjuk pada huruf 'm' kecil.	Minnie telah memahami perbezaan huruf besar dan huruf kecil dengan baik melalui empat garisan berkembar.
Minnie : Ya huruf kecil, cikgu. (terjemahan: itu huruf kecil, cikgu)	
Saya : Macam mana awak boleh tulis huruf kecil 'm' pada garisan ini?	TB(MN)04:100412
Minnie : Garisan tengah. 'm' kecil sik boleh tinggi (terjemahan: melalui garisan tengah. Huruf 'm'; kecil tidak boleh lebih tinggi)	

Rajah 16. Transkrip temu bual saya dengan Minnie pada 10 April 2012.

Berdasarkan transkrip temu bual pada Rajah 16, Minnie telah menyatakan dengan betul cara untuk menulis huruf 'm' kecil (m) dengan baik. Ini menunjukkan Minnie telah memahami konsep perbezaan huruf besar dan huruf kecil. Kesimpulannya, berdasarkan dapatan yang telah saya nyatakan, penggunaan empat garisan berkembar telah berjaya membantu Minnie dalam mengurangkan kesalahan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil pada tulisannya.

- **Bagaimanakah penggunaan empat garisan berkembar dapat membantu menambah baik amalan sendiri dalam kemahiran menulis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu?**

Dapatan kajian telah menunjukkan penggunaan empat garisan berkembar berjaya membantu saya menambah baik amalan sendiri saya dalam kemahiran menulis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5.Pertama, saya telah berjaya menimbulkan minat peserta kajian saya untuk menulis melalui penggunaan empat garisan berkembar. Semakan data melalui temu bual menunjukkan penggunaan empat garisan berkembar pada latihan telah menimbulkan minat peserta kajian saya untuk menulis seperti yang ditunjukkan pada transkrip temu bual pada Rajah 16.

<p>Saya : Minnie, apakah perasaan awak menulis menggunakan empat garisan berkembar yang cikgu berikan?</p> <p>Minnie : Suka, cikgu.</p> <p>Saya : Mengapa awak suka?</p> <p>Minnie : Suka menulis, cikgu. macam kat tadika. (terjemahan: seperti di tadika) Tapi mula-mula susah. dah lamak-lamak best! (terjemahan: saya suka menulis. Mula-mula susah dan akhirnya jadi seronok menulis)</p>	<p>Catatan Refleksi: Minnie menjadi suka menulis setelah membuat latihan menulis menggunakan empat garisan berkembar</p>
--	---

Rajah 17. Transkrip temu bual 10 April 2012.

Minnie menunjukkan minat untuk menulis walaupun pada mulanya telah mengaku bahawa menulis menggunakan empat garisan berkembar adalah susah. Dengan ini, saya telah berjaya menimbulkan minat untuk Minnie menulis melalui penggunaan empat garisan berkembar.

Saya juga telah berupaya meningkatkan keprihatinan diri saya terhadap masalah murid dalam usaha membantu Minnie mengurangkan kesalahan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil dalam tulisannya. Catatan nota lapangan saya pada 2 Mac 2012 menunjukkan keprihatinan saya terhadap permasalahan tulisan Minnie sewaktu mula menulis menggunakan empat garisan berkembar (Sila rujuk Rajah 18).


<p>Tarikh : 2 Mac 2012 (Jumaat) Masa : 0910-1010 Tempat : Bilik Guru Pemerhatian : Selepas saya menerangkan tentang garisan dalam latihan, Minnie kelihatan masih ragu-ragu tentang garisan. Minnie sentiasa melihat saya kemudian melihat ke kiri dan ke kanan sebelum menulis. Huruf satu persatu Minnie mengalami banyak kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil pada latihan. Saya meminta Minnie memadamkan semula kesalahan tersebut dan memintanya menuliskan semula dengan betul. Minnie kelihatan seperti keliru akan garisan lantai dan garisan tengah yang telah saya perelaskan kepadanya.</p>	<p>Kekuatan: - Minnie mendengar arahan dengan baik apabila saya memintanya memadamkan semula kesalahan, dia memadam lalu menuliskannya semula dengan betul.</p> <p>Kelemahan: - Minnie keliru dengan penggunaan empat garisan berkembar. - Banyak kali membuat kesalahan, padam dan tulis semula</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: - Saya akan menerangkan garisan lantai dan garisan tengah kepada Minnie dan menandakan garisan tengah dan garisan lantai dengan tanda tertentu bagi memudahkan Minnie memahami penggunaan garisan.</p>
--	--

Rajah 18. Catatan nota lapangan 2 Mac 2012.

Berdasarkan catatan nota lapangan pada 2 Mac 2012, saya telah memikirkan semula cara mengatasi kekeliruan Minnie dengan menambahkan tanda pada Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/ 27 & 28 September 2012/ IPG KBL

garisan lantai apabila melihat keadaan Minnie masih menunjukkan kekeliruan terhadap penggunaan empat garisan berkembar. Dengan ini, timbul keprihatinan saya dalam usaha membantu Minnie membaiki masalah tulisannya.

Selain itu, saya juga telah berjaya meningkatkan mutu amalan p&p saya dalam kemahiran menulis. Saya telah membuat banyak pembacaan dan rujukan dalam usaha mengetahui cara untuk membantu mengatasi masalah tulisan Minnie. Sebelum ini, saya hanya menegur dan menyatakan kesalahan murid secara umum berdasarkan pengetahuan am saya. Berdasarkan pembacaan dan rujukan, lahir idea untuk menggunakan empat garisan berkembar pada latihan bagi mengatasi masalah tulisan Minnie.



Rajah 19. Catatan refleksi p&p bahasa Melayu 5 Sony (27 Februari 2012).

Daripada refleksi pada Rajah 19, saya telah berusaha merujuk dan membuat bacaan mengenai kajian lampau yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik. Berdasarkan pembacaan dan penyelidikan tindakan ini, saya telah berjaya meningkatkan mutu p&p saya dalam kemahiran menulis menggunakan empat garisan berkembar.

Refleksi Penilaian Tindakan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperoleh sepanjang menjalankan penyelidikan tindakan ini, saya dapat melihat perkembangan Minnie secara menyeluruh bermula daripada data awal, sewaktu melaksanakan kajian dan selepas kajian dijalankan. Sehubungan dengan dapatan kajian ini, saya bertanggapan bahawa penggunaan jenis garisan yang pelbagai selain daripada dua garisan biasa dalam membantu membaiki masalah menulis murid adalah berkesan. Di samping membentuk pemahaman konsep penulisan huruf besar dan huruf kecil sama ada secara spesifik atau keseluruhan 26 huruf dengan betul, ianya berkesan dalam membantu murid yang masih mempunyai masalah dalam menulis. Hal ini kerana penggunaan jenis garisan yang pelbagai selain daripada dua garisan biasa dalam menulis merupakan tapak untuk melatih murid dari peringkat asas semula.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Penyelidikan tindakan ini telah membolehkan saya memahami konsep pembelajaran sepanjang hayat yang perlu diamalkan oleh guru kerana ianya sangat berkait rapat dengan dunia pendidikan. Proses penyelidikan tindakan ini telah menjadikan saya lebih banyak merujuk dan membaca berbanding sebelum ini bagi tujuan mendapatkan maklumat tambahan dan membuat rujukan berkaitan kaedah dan teknik yang saya gunakan dalam penyelidikan tindakan ini. Prosedur

pelaksanaan penyelidikan ini juga telah mendedahkan saya berkaitan dengan etika dalam penyelidikan tindakan.

Dalam proses menghasilkan laporan penyelidikan tindakan ini, saya telah belajar tentang cara-cara untuk membuat rujukan menggunakan sistem "American Psychological Association" (APA). Proses penghasilan laporan kajian juga telah mematangkan saya dari aspek pengolahan ayat dan membolehkan saya membuat penulisan secara ilmiah melalui bimbingan pensyarah pembimbing. Selain itu, proses menghasilkan laporan serta membuat pembetulan beberapa kali menjadikan saya lebih teliti dalam penghasilan kerja.

Sewaktu menjalankan penyelidikan tindakan di sekolah, saya juga telah berupaya mematangkan diri dari aspek komunikasi. Melalui proses temu bual, perbincangan dengan guru dan rakan telah meningkatkan keyakinan saya dalam komunikasi dengan pihak lain. Selain itu, penyelidikan tindakan ini telah meningkatkan nilai prihatin dalam diri saya sebagai seorang bakal guru. Pada masa yang sama, saya telah memupuk nilai keguruan itu sendiri melalui penyelidikan tindakan ini. Kekangan yang dihadapi sepanjang penyelidikan tindakan ini juga telah mematangkan diri saya untuk mempersiapkan diri sebelum melangkah ke dunia pendidikan yang sebenar kelak.


Sebagai seorang bakal guru Bahasa Melayu, penyelidikan tindakan ini juga telah menjadikan saya lebih peka terhadap masalah murid di samping meningkatkan amalan kendiridalam usaha menangani masalah yang dihadapi oleh murid. Melalui penyelidikan tindakan ini juga, saya berpeluang untuk mengenali murid dengan lebih mendalam sebagai langkah pertama saya dalam menyesuaikan diri dengan tugas seorang guru. Di samping itu juga, saya telah berpeluang untuk memperkembangkan kemahiran dalam membantu membaiki masalah tulisan murid.

Cadangan Kitaran Seterusnya

Walaupun hasil penggunaan empat garisan berkembar telah berjaya membantu mengurangkan kesalahan mencampuradukkan huruf besar dan kecil peserta kajian saya, terdapat juga beberapa kelemahan yang saya dapati melalui penggunaan empat garisan berkembar ini. Seperti mana yang telah dijelaskan, penggunaan empat garisan berkembar pada latihan ini juga menimbulkan kekeliruan kepada Minnie kerana kesukarannya membezakan garisan tengah dan garisan lantai huruf. Ini juga dinyatakan dalam laman sesawang "Handritting Without Tears" (t.t.) yang menyatakan "many children have trouble understanding multiple lines. Giving children a blue line, a dotted line, a red line, and another blue line and then asking them to start at "2 o'clock between the dotted line and the red line" is too confusing" (perenggan 1).

Berdasarkan kenyataan ini, kanak-kanak atau murid sekolah pada peringkat sekolah rendah ke bawah akan mengalami kekeliruan melalui penggunaan terlalu banyak garisan pada latihan. Perkara ini menjadi salah satu kelemahan pada penyelidikan tindakan ini kerana saya tidak begitu peka akan jenis garisan yang telah saya gunakan untuk menghasilkan empat garisan berkembar pada latihan. Sekiranya kajian ini dilanjutkan ke kitaran seterusnya, saya akan mengurangkan bilangan garisan yang akan saya gunakan dalam membantu membaiki masalah

tulisan peserta kajian saya. Dengan itu, saya akan mengurangkan bilangan garisan kepada dua garisan berkembar sahaja. Rajah 20 menunjukkan dua garisan berkembar yang saya maksudkan.



Rajah 20. Contoh dua garisan berkembar.

Penggunaan dua garisan berkembar ini merupakan adaptasi daripada “Handwriting Without Tears” (t.t.) Konsep penulisan menggunakan dua garisan berkembar ini adalah berlainan daripada dua garisan berkembar yang biasa digunakan pada buku latihan biasa. Justeru, penambahbaikan yang perlu saya lakukan pada empat garisan berkembar adalah dengan menghilangkan garisan atas dan garisan bawah serta mengekalkan garisan tengah dan garisan lantai. Walaupun kaedah latihan empat garisan berkembar dapat membantu mengurangkan kesilapan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil peserta kajian saya, terdapat lebih banyak kaedah yang lebih baik dan menarik untuk diterokai dan dibuktikan keberkesannya melalui penyelidikan tindakan. Saya berharap saya dapat terokai kaedah tersebut kelak.

RUJUKAN

- Anisah Anuar. (2010). Membetulkan tulisan huruf ‘k’ dan ‘s’ kecil murid Tahun Tiga menggunakan lembaran kerja garisan berkembar tiga dibantu oleh carta huruf dan kaedah ansur maju. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 37-54
- Dayang Norliza Awang Yem. (2010). kesan kaedah ansur maju dalam mengurangkan kekerapan kesalahan menulis huruf kecil ‘k’ dan ‘p’ murid Tahun Lima. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*.
- Feder, K.P., & Majnemer, A. (2007). Handwriting development, competency, and intervention. *Developmental Medicine & Child Neurology*, 49, 312-317.
- Handwriting Without Tears. (Tiada Tahun). *Double line and Other Lines*. Diperoleh pada 14 September 2012 daripada <http://www.hwtears.com/hwt/why-it-works/line-success>
- Muhammad Azizi Rahim. (2010). Kesan bimbingan individu dalam mengurangkan kesilapan menulis huruf besar di tengah perkataan bahasa melayu murid Tahun Lima. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 224-237.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan alam belajar*. Selangor: Oxford Fajar.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukur. (2008). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ting Houg Ching. (2005). Membaiki Tulisan Pelajar Tingkatan Peralihan dengan Kaedah Ansur Maju. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan MPBL tahun 2005*, 84-96.